

03/03/1998

Malaysia negara pertama lancar teleperubatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Impian untuk menyaksikan sektor perubatan negara memasuki era teknologi maklumat (IT), tercapai akhirnya apabila Software International Corporation (M) Sdn Bhd (Software International) dengan kerja sama beberapa syarikat asing melancarkan program tele-perubatan antara Malaysia-United Kingdom-Amerika Syarikat.

Malaysia bakal menjadi negara pertama di dunia melaksanakan program tele-perubatan, dengan menggunakan sistem Patient Information Folder (PIF) yang dicipta khas oleh Kolej Imperial, London, manakala Software International pula mencipta 'kad pintar'.

Pusat Pakar Utara di Kedah pula akan dijadikan projek perintis di dunia, sebelum sistem yang sama dilengkapi di dua buah hospital di London dan sebuah lagi di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan demonstrasi sistem itu di Taman Teknologi Malaysia, di Bukit Jalil, hari ini. Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Pengerusi Software International, Datuk Alex Lee.

Pengarah Pusat Biologi dan Sistem Perubatan Kolej Imperial, Prof R I Kitney, berkata pihaknya memilih Malaysia sebagai projek perintis berikutan minat dan usaha Dr Mahathir untuk merelisasikan impian itu sejak tahun lalu.

"Tambahan pula kami mendapat kerjasama dengan Kulim Technology Management (Kulim Technology) dan Software International bagi melancarkan projek ini secepat mungkin.

"Penciptaan kad pintar oleh Software International juga satu daripada sebab utama mengapa negara ini menjadi pilihan utama, kerana kami hanya mencipta sistem IT tetapi masih belum meneroka cara untuk menggalakkan penggunaannya di kalangan orang ramai," katanya.

Turut terbabit dalam projek ini University of Southern California.

Sistem PIF menggunakan sistem komputer sama ada melalui Internet atau Intranet, membolehkan doktor di pusat perubatan saling berhubungan bagi meminta nasihat atau menjalankan rawatan secara langsung.

"Jarak masa selama lapan jam antara Kuala Lumpur-London dan London-Los Angeles membolehkan sistem ini berfungsi selama 24 jam.

"Apabila menerima kes yang serius, kita tidak perlu lagi mengejutkan pakar yang sedang tidur sebaliknya boleh menghubungi rakan sejawat di dua tempat lain bagi melakukan diagnosis ke atas pesakit terbabit," katanya.

Pengurus Besar Kumpulan Kulim Technology, Mazlee Md Ramli, berkata Pusat Pakar Utara akan menjalani ujian percubaan selama tiga bulan dan pada masa yang sama sistem itu akan dipasang di Hospital St Mary, London dan Hospital USC, Los Angeles.

"Kita akan melengkapkan sistem ini pada bulan pertama, sebelum menyesuaikan diri dalam tempoh dua bulan selepas itu. Pemasangan komputer yang diperlukan mungkin tidak lebih RM100,000 bagi setiap satu pusat kerja PIF," katanya.

(END)